



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	6/1/2011

PM pengerusi Kabinet pertama 2011

PUTRAJAYA 5 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mempengerusikan mesyuarat Kabinet pertama bagi tahun 2011 di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Najib yang berpakaian serba kelabu tiba di bilik mesyuarat kira-kira pukul 9.20 pagi dan memulakan mesyuarat 10 minit selepas itu. Hampir kesemua menteri Kabinet sedia menunggu di bilik mesyuarat kira-kira 45 minit sebelum Perdana Menteri tiba.

Antara yang hadir Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr S Subramaniam.

Turut hadir Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Sidek Hassan serta pegawai-pegawai kerajaan yang berkaitan. -BERNAMA.



NAJIB Tun Razak berbincang sesuatu dengan Timbalan Ketua Setiausaha (Kabinet), Tan Sri Mazidah Ab. Majid (kiri) sebelum mempengerusikan mesyuarat Kabinet pertama tahun 2011 di pejabatnya di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. - BERNAMA